



KENYATAAN MEDIA

PENGARAH
DARUL QURAN JAKIM

BERKENAAN

MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN
PELAJAR PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ TAHUN 2018/1439

BERTEMPAT DI DEWAN MUKTAMAR
DARUL QURAN JAKIM
PADA 28 APRIL 2018

Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar adalah merupakan program kedua terbesar bagi pelajar-pelajar Darul Quran selepas Majlis Istiadat Konvokesyen.

2. Pada tahun ini, seramai **154 orang pelajar** dari **tiga program pengajian** iaitu Pensijilan Tahfiz Al-Quran **Jakim-IIUM**, Pensijilan Tahfiz Al-Quran **Jakim-UNITEN** dan Pensijilan Tahfiz Al-Quran **Jakim-CUCMS** (Cyberjaya University College of Medical Sciences) telah diraikan dalam majlis ini. Pecahan pelajar adalah seperti berikut:

- i. Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM = 98 orang pelajar.
- ii. Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-UNITEN = 49 orang pelajar.
- iii. Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-CUCMS = 7 orang pelajar.

3. Tahun ini merupakan kali pertama pelajar-pelajar Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-CUCMS diraikan dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar.

4. 154 orang pelajar ini bukan semata-mata telah berjaya menghafaz 30 juzu' al-Quran tetapi telah lulus dalam semua peperiksaan Hifz Al-Quran bermula dari Semester Satu.

5. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada kesemua pelajar yang diraikan pada hari ini.
Sekian

DR. HAJI NORDIN BIN AHMAD
28 April 2018

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan
Darul Quran Jakim
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan